

PERATURAN PAKAIAN SERAGAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Peraturan Pakaian Seragam ini dikeluarkan setelah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti Teknologi Malaysia. Walaubagaimanapun, Universiti masih menerima pakai pekeling-pekeling yang dikeluarkan oleh Kerajaan berhubung peruntukan bekalan pakaian seragam yang melebihi peraturan ini.

2.0 TUJUAN

- 2.1 Peraturan ini bertujuan:-
- 2.1.1 Memberikan garis panduan yang jelas mengenai dasar dan peraturan Universiti Teknologi Malaysia mengenai pakaian seragam yang diperuntukkan kepada staf berkelayakan;
 - 2.1.2 Sebagai panduan dan rujukan keseragaman dengan lain-lain Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun
 - 2.1.3 Menyelaraskan rekabentuk, warna dan pemakaian pakaian seragam di Universiti Teknologi Malaysia.

3.0 DEFINISI

- 3.1 Pakaian seragam adalah pakaian bekerja yang dibekalkan kepada kumpulan staf tertentu berdasarkan kepada keperluan jawatan kumpulan-kumpulan berkenaan yang mana rekabentuk dan warna ditetapkan oleh Universiti.
- 3.2 Pakaian seragam dimaksudkan adalah pakaian bekerja yang dipakai sepanjang waktu staf bertugas.
- 3.3 Pakaian seragam adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan rekabentuk pakaian seragam yang meliputi perkara-perkara seperti berikut yang mana berkenaan:-
- 3.3.1 Pakaian/Jaket/*Dust Coat*;
 - 3.3.2 Topi/Mini Telekung;
 - 3.3.3 Kasut (kulit/kanvas/getah) - bertali/tak bertali;
 - 3.3.4 Kelengkapan Keselamatan/Jururawat
 - 3.3.5 Sarung Kaki (stokin);

- 3.4 Lain-lain kelengkapan adalah dikategorikan sebagai alatan tambahan/alatan makmal di mana hendaklah juga mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Penyelaras Pakaian Seragam Universiti Teknologi Malaysia. Pembayaran bagi perkara ini di bawah tanggungan vot fakulti/jabatan pemohon.
- 3.5 Pakaian seragam dibekalkan bagi tujuan pengenalan diri pegawai kepada orang yang terlibat semasa menjalankan tugas mereka dan dikehendaki memakai pakaian seragam sepanjang waktu bertugas.

4.0 MATLAMAT

- 4.1 Penentuan kelayakan untuk membekalkan pakaian seragam berdasarkan keperluan tugas jawatan tertentu. Pakaian seragam dibekalkan berdasarkan kepada asas-asas berikut:-
- 4.1.1 Sebagai lambang kuasa yang diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan;
- 4.1.2 Bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri pekerja daripada percikan bahan-bahan kimia dan bidang tugas ini adalah seperti Pekerja Makmal, Pekerja Bengkel, Pekerja Am di luar pejabat dan wad rawatan pesakit ; dan
- 4.1.3 Bagi tujuan kebersihan dan penampilan staf. Ini melibatkan staf seperti Pemandu dan Pekerja Am Rendah.
- 4.1.4 Keseragaman fesyen jawatan yang disandang.

5.0 KELAYAKAN

- 5.1 Staf yang layak menerima peruntukan pakaian seragam umumnya dibahagikan kepada berikut:-

5.1.1 Kelayakan pembekalan Pakaian Seragam

Bil	Taraf Lantikan	Kelayakan
1	Tetap	Layak
2	Kontrak	
3	Tabung	Tidak Layak

5.1.2 Staf lantikan pertama di Bahagian Keselamatan (Gred KP)

Staf adalah layak untuk dibekalkan pakaian seragam setelah berkhidmat sekurangngnya tiga (3) bulan. Staf yang meletak jawatan dalam tempoh enam (6) bulan selepas lantikan perlu membuat bayaran balik kos pakaian seragam tersebut.

5.1.3 Lantikan staf selepas proses pembekalan/penyerahan pakaian seragam

Pembekalan tambahan akan dilakukan berdasarkan jumlah staf yang terlibat dan justifikasi yang kukuh (memerlukan pakaian seragam bagi menjalankan tugas).

5.2 Pakaian seragam adalah dibekalkan secara langsung kepada staf yang layak (**Lampiran B**) yang meliputi kumpulan jawatan sebagaimana berikut:-

Bil	Klasifikasi	Skim
1	Umum	F/J/N/S/H
2	Jabatan Harta Bina	G/H/J
3	Pusat Kesihatan Universiti	U
4	Pusat Pengurusan Makmal Universiti	C/D/G/H/J
5	Bahagian Keselamatan	K

6.0 KATEGORI JAWATAN YANG DIBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM

6.1 Jawatan-jawatan di Universiti Teknologi Malaysia yang mendapat kemudahan perbekalan pakaian seragam seperti di **LAMPIRAN A**.

7.0 REKABENTUK DAN WARNA

7.1 Rekabentuk dan warna pakaian seragam adalah seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

7.2 Rekabentuk dan warna hendaklah tidak menyalahi rekabentuk dan warna yang telah ditetapkan pada jawatan-jawatan tertentu seperti doktor, jururawat dan lain-lain.

7.3 Rekabentuk dan warna pakaian seragam hendaklah dikekalkan. Sebarang pindaan kepada rekabentuk dan warna perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras Pakaian Seragam Universiti. Jawatankuasa boleh mempertimbangkan pindaan rekabentuk atau warna pakaian seragam mengikut kesesuaian yang telah melebihi 5 tahun. Perakuan Jawatankuasa akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) untuk kelulusan.

7.4 Permohonan melalui kertas kerja untuk perubahan rekabentuk atau warna hendaklah dibawa dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Pakaian Seragam yang meliputi perkara-perkara berikut:-

7.4.1 Tujuan;

7.4.2 Justifikasi;

7.4.3 Lakaran rekabentuk serta penerangan;

7.4.4 Contoh kain;

7.4.5 Kod pakaian seragam.

7.5 Rekabentuk dan warna pakaian seragam mengikut kategori jawatan seperti yang ditetapkan oleh Universiti seperti di **LAMPIRAN B**.

8.0 PEMBEKALAN

8.1 Pembekalan pakaian seragam adalah sekali setiap dua (2) tahun.

8.2 Jadual Pembekalan Pakaian Seragam seperti berikut:-

PERKARA	BULAN
Mendapatkan maklumat senarai staf yang layak mendapat pakaian seragam dari Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Fakulti	Februari
Panggilan Tender	Jun
Mengukur pakaian seragam mengikut jadual dari Bendahari	November
Agihan pakaian seragam kepada staf yang layak	Januari (<i>tahun berikutnya</i>)

8.3 Staf dikehendaki hadir semasa tarikh mengukur yang akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan pembekalan sekiranya didapati staf terlibat tidak hadir pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

8.4 Pihak PTJ/Fakulti perlu mematuhi tempoh akhir menghantar senarai nama ke Bendahari. PTJ/Fakulti yang memberikan maklumat yang tidak lengkap dan lewat dianggap sebagai tidak berminat mendapatkan pembekalan pakaian seragam. Bendahari tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku perkara berbangkit.

8.5 Pihak Universiti tidak akan membayar tempahan yang dibuat sendiri oleh staf tanpa mendapat kelulusan Jawatankuasa.

8.6 Jika sekiranya berlaku kerosakan, hilang atau staf membaiki sendiri kerosakan selepas dibekalkan, tuntutan atau gantian tidak boleh dibuat kepada Universiti.

8.7 Pembekalan baju hujan Pegawai/Pengawal Keselamatan :-

8.7.1 Pembekalan baju hujan dan kasut akan dibuat pada tahun ke-6 daripada tahun pembekalan akhir dibuat.

- 8.7.2 Sekiranya dalam tempoh 5 tahun baju hujan dibekalkan rosak, ianya boleh diganti dengan syarat:
- a) Semakan dan pengesahan terhadap kondisi baju hujan dibuat oleh wakil PTJ yang dilantik oleh Pengarah Keselamatan.
 - b) Menyediakan justifikasi bagi penggantian sebelum tempoh.

8.7.3 Baju hujan hendaklah dipulangkan sekiranya staf berhenti/bersara.

8.8 Sekiranya Fakulti/Jabatan/Unit mendapati pakaian seragam yang dibekalkan tidak bermutu, maka Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan surat laporan kepada Jawatankuasa dan Jabatan Bendahari.

9.0 PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM SELEPAS PROSES PEROLEHAN

9.1 Proses perolehan hanya akan dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali dan akan selesai pada bulan Disember tahun sebelum pembekalan.

Contoh : Pembekalan tahun 2022 – Proses perolehan pada tahun 2021

9.2 Walau bagaimanapun, pembekalan pakaian seragam selepas proses perolehan akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa mengikut keperluan sebagaimana berikut:

9.2.1 pakaian tersebut merupakan pakaian seragam bagi tugas harian

9.2.2 staf memerlukan pakaian tersebut bagi melaksanakan tugas yang diberikan

10.0 PEMAKAIAN

10.1 Staf yang dibekalkan dengan pakaian seragam diwajibkan memakai pakaian tersebut sepanjang waktu bertugas. Sekiranya staf didapati:

10.1.1 tidak memakai pakaian; atau

10.1.2 didapati menjual pakaian yang dibekalkan maka, Ketua Jabatan berhak untuk mengambil tindakan berikut:-

10.1.2.1 Memberhentikan perbekalan pakaian seragam kepada staf yang berkenaan.

10.1.2.2 Mengambil tindakan pentadbiran atau tindakan tatatertib ke atas staf terbabit.

11.0 STAF BERSARA/BERHENTI

- 11.1 Staf yang akan bersara atau berhenti dalam jangkamasa enam (6) bulan dari atau selepas bulan Jun adalah tidak layak mendapat pakaian tersebut pada tahun berkenaan.

12.0 KEMUDAHAN LAIN

- 12.1 Peraturan Pakaian Seragam ini tidak termasuk kemudahan-kemudahan bayaran pakaian lain yang diberikan kepada staf mengikut permohonan. Pemberian bantuan pakaian di bawah perkara ini adalah mengikut peraturan yang terkandung di dalam pekeliling berkaitan. Bantuan bayaran pakaian seperti berikut:-

12.1.1 Pakaian istiadat dan pakaian menghadiri upacara rasmi.

12.1.2 Pakaian *black tie*.

12.1.3 Baju kot kepada pegawai yang bertugas di mahkamah.

12.1.4 Pakaian panas bilik komputer kepada pegawai-pegawai yang bertugas di bilik komputer yang diselenggarakan di paras suhu kurang dari 20°C.

13.0 JAWATANKUASA PENYELARAS PAKAIAN SERAGAM UTM

- 13.1 Jawatankuasa Pembekalan Pakaian Seragam UTM terdiri daripada:-

Timbalan Pendaftar Bahagian Pengurusan Organisasi Jabatan Pendaftar	Pengerusi
Timbalan Bendahari Bahagian Pengurusan Perolehan & ICT Jabatan Bendahari	Ahli
Timbalan Pendaftar Seksyen Perkhidmatan & Saraan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Pendaftar	Ahli
Timbalan Pendaftar Jabatan Harta Bina	Ahli
Timbalan Pendaftar Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)	Ahli

Timbalan Pendaftar Pusat Pengurusan Makmal Universiti	Ahli
Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan Universiti	Ahli
Pegawai Keselamatan Bahagian Keselamatan Jabatan Pendaftar	Ahli
Pegawai Senireka Unit Media & Grafik Pejabat Hal Ehwal Korporat	Ahli
Penolong Pendaftar Bahagian Pengurusan Organisasi Jabatan Pendaftar	Urus setia

13.2 Jawatankuasa ini bertanggungjawab sebagai:-


13.2.1 Menentukan dasar Pakaian Seragam;

13.2.2 Menentukan rekabentuk, warna dan spesifikasi yang berkaitan;

13.2.3 Mengawal dan menyelaras pelaksanaannya;

13.2.4 Membuat perakuan kepada pihak Pengurusan.

CARTA ALIRAN PENGURUSAN PAKAIAN SERAGAM



BAHAN RUJUKAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990. "Peruntukan Bekalan Pakaian Seragam".
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1993. "Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*".
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1994. "Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*".
4. Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1995. "Peraturan Mengenai Pembekalan Pakaian Seragam Bagi Kakitangan Pejabat".
5. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 1997. "Bayaran Pakaian Istiadat dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi".
6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 17 Tahun 2007, Surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA(S)63/38/2/(30). "Bayaran Pakaian Panas Bilik Komputer Kepada Pegawai-Pegawai Yang Bertugas Di Bilik Komputer Yang Diselenggarakan Di Paras Suhu Kurang Dari 20°C".
7. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA(S)1852/2A/Klt.6/(58). "Bayaran Baju Kot Kepada Pegawai Yang Bertugas di Mahkamah" bertarikh 8 Mei 2017.

Jawatan-Jawatan Yang Mendapat Perbekalan Pakaian Seragam

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN
1.	Pembantu Makmal	C19/C22
2.	Penolong Pegawai Sains	C22/C29
3.	Juruteknik Komputer	FT19/FT22
4.	Pembantu Ladang	G19/G22
5.	Pembantu Awam	H11/H14
6.	Pemandu kenderaan	H11/H14
7.	Pembantu Pertanian/Penjaga Jentera Elektrik	H11/H14
8.	Pembantu Awam/Pembantu Kemahiran	H11/H14
9.	Pemandu/Operator Jentera Pemungkah	H11/H14
10.	Pembantu Awam (Ruang/Pertanian)	H11/H14
11.	Juruteknik Jabatan	J19/J22
12.	Juruteknik JHB	J19/J22
13.	Juruteknik Makmal	J19/J22
14.	Pengawal Keselamatan	KP11/KP14
15.	Ketua Pengawal Keselamatan	KP14/KP16
16.	Pembantu Keselamatan	KP19-KP26
17.	Penolong Pegawai Keselamatan	KP29/KP32
18.	Pegawai Keselamatan	KP41-KP48
19.	Pengarah Keselamatan	KP52/N52
20.	Pembantu Operasi	N11/N14
21.	Imam dan Bilal	S19/S22
22.	Pembantu Rawatan & Kesihatan	U11/U14
23.	Jururawat Masyarakat/Penolong Jururawat	U19/U22
24.	Pembantu Pembedahan Pergigian	U19/U24
25.	Penolong Pegawai Perubatan	U29/U32
26.	Penolong Pegawai Farmasi	U29/U32
27.	Juruteknologi Makmal	U29/U32
28.	Juru X-Ray	U29/U32
29.	Jurupulih Perubatan	U29/U32
30.	Penolong Pegawai Perubatan	U29/U32
31.	Penolong Pegawai Persekitaran	U29/U32
32.	Ketua Jururawat	U32
33.	Pegawai Perubatan	U41-U54

Kategori Jawatan, Fesyen dan Warna Pakaian Seragam UTM

BIL.	KATEGORI JAWATAN	FESYEN	KOD
KUMPULAN UMUM			
1	Juruteknik Jabatan (L) Juruteknik Komputer (L)	Kasut Kulit	KKK001
		Jaket	KKP002
2	Juruteknik Jabatan (P) Juruteknik Komputer (P)	Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Jaket	KKP002
3	Pembantu Operasi (L)	Kemeja Lengan Pendek	PSU005
		Seluar	
		Kasut Kulit Tidak Bertali	KKK001
4	Pembantu Operasi (P)	Blouse Lengan Panjang	PSU006
		Seluar	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
5	Imam/Bilal	Jubah Hitam	PSU010
		Jubah Putih	PSU011
6	Pembantu Awam	Seluar	PSHB010
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
7	Pemandu Kenderaan	Kemeja Lengan Pendek	PSHB005
		Seluar	
		Bush Jaket Lengan Pendek	PSHB009
		Seluar	PSHB008
		Kasut Kulit	KKK001
KUMPULAN JABATAN HARTA BINA			
8	Juruteknik	Safety Boot	KKK010
		Jaket	KKP002
9	Pembantu Pertanian Penjaga Jentera Elektrik	Seluar	PSHB008
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
		Safety Boot	KKK010
10	Pembantu Awam Pembantu Kemahiran	Seluar	PSHB008
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
		Safety Boot	KKK010
11	Pemandu Operator Jentera Pemungkah	Seluar	PSHB008
		Kasut Kulit	
		Safety Boot	KKK010
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
12	Pemandu Kenderaan	Kemeja Lengan Pendek	PSHB005
		Seluar	
		Bush Jaket Lengan Pendek	PSHB009
		Seluar	PSHB008
		Kasut Kulit	KKK001

BIL.	KATEGORI JAWATAN	FESYEN	KOD
13	Pembantu Awam	Seluar	PSHB008
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
		Safety Boot	KKK010
14	Pembantu Awam (Ruang/Pertanian)	Seluar	PSHB008
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
		Safety Boot	KKK010
KUMPULAN KLINIK			
15	Pegawai Perubatan Pegawai Farmasi	Duty Coat	PSKU001
		Vest Garbadine	KKP003
16	Penolong Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan Kanan	Bush Jaket Lengan Pendek	PSKU019
		Seluar	
		Kasut Kulit	KKK001
		Vest Garbadine	KKP003
17	Penolong Pegawai Farmasi (L) Penolong Pegawai Farmasi Kanan (L)	Bush Jaket Lengan Pendek	PSKU019
		Seluar	
		Kasut Kulit	KKK001
		Vest Garbadine	KKP003
18	Penolong Pegawai Farmasi (P) Penolong Pegawai Farmasi Kanan (P)	Blouse Lengan Panjang	PSKU020
		Seluar	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Vest Garbadine	KKP003
19	Pembantu Pembedahan Pergigian (L)	Bush Jaket Lengan Pendek	PSKU019
		Seluar	
		Kasut Kulit	KKK001
		Vest Garbadine	KKP003
20	Pembantu Pembedahan Pergigian (P)	Blouse Lengan Panjang	PSKU020
		Seluar/Kain	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Vest Garbadine	KKP003
21	Juruteknologi Makmal Juruteknologi Makmal Kanan	Duty Coat	PSKU018
		Vest Garbadine	KKP003
22	Juru X-ray Juru X-ray Kanan	Duty Coat	PSKU018
		Vest Garbadine	KKP003
23	Ketua Jururawat Jururawat	Blouse Lengan Panjang	PSKU020
		Seluar/Kain	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Vest Garbadine	KKP003
24	Jururawat Masyarakat Penolong Jururawat	Blouse Lengan Panjang	PSKU019
		Seluar/Kain	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Vest Garbadine	KKP003
25	Pembantu Rawatan & Kesihatan (L)	Bush Jaket Lengan Pendek	PSKU019
		Seluar	
		Kasut Kulit	KKK001
		Vest Garbadine	KKP003

BIL.	KATEGORI JAWATAN	FESYEN	KOD
26	Pembantu Rawatan & Kesihatan (P)	Blouse Lengan Panjang	PSKU020
		Seluar/Kain	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Vest Garbadine	KKP003
27	Jurupulih Perubatan	Duty Coat	PSKU018
		Vest Garbadine	KKP003
28	Penolong Pegawai Perubatan Penolong Pegawai Perubatan Kanan	Blouse Lengan Panjang	PSKU020
		Seluar/Kain	
		Kasut Kulit Wanita	KKK003
		Vest Garbadine	KKP003
29	Penolong Pegawai Persekitaran	Bush Jaket Lengan Pendek	PSKU019
		Seluar	
		Kasut Kulit	KKK001
		Vest Garbadine	KKP003
KUMPULAN MAKMAL			
30	Juruteknik Makmal (L)	Kasut Kulit	KKK001
		Labcoat	PSM003
31	Juruteknik Makmal (P)	Kasut Kulit Hitam Wanita	KKK003
		Labcoat	PSM003
32	Pembantu Pertanian	Seluar	PSHB008
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
33	Pembantu Pegawai Latihan & Vokasional Penolong Pegawai Latihan & Vokasional Penolong Pegawai Sains Penolong Jurutera Pembantu Pertanian	Labcoat	PSM003
34	Pembantu Makmal (L)	Lab Coat	PSM003
		Kasut Kulit	KKK001
35	Pembantu Makmal (P)	Lab Coat	PSM003
		Kasut Kulit Hitam Wanita	KKK003
36	Pembantu Awam Pembantu Kemahiran	Seluar	PSHB008
		T-Shirt Berkolar Lengan Pendek	KKP004
		Kasut Kulit	KKK001
		Safety Boot	KKK010
KUMPULAN KESELAMATAN			
37	Pegawai Keselamatan Penolong Pegawai Keselamatan	Pakaian Celoreng	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP015
		Baju Hujan & Seluar	KKP017
		Kasut Brouge	KKK006
		Spike Boot	KKK005

BIL.	KATEGORI JAWATAN	FESYEN	KOD
38	Ketua Pengawal Keselamatan (L)	Bush Jaket Lengan Pendek	PSK007
		Seluar	
		Pakaian Celoreng	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Brouge	KKK006
		Spike Boot	KKK005
39	Ketua Pengawal Keselamatan (P)	Bush Jaket Lengan Panjang	PSK002
		Seluar Panjang	
		Pakaian Celoreng (Baju)	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Brouge	KKK006
		Spike Boot	KKK005
40	Pengawal Keselamatan (L)	Kemeja Lengan Pendek	PSK003
		Seluar	
		Pakaian Celoreng	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Kulit	KKK002
		Spike Boot	KKK005
41	Pengawal Keselamatan (P)	Bush Jaket Lengan Panjang	PSK002
		Seluar	
		Pakaian Celoreng	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Kulit	KKK002
		Spike Boot	KKK005
42	Ketua Pengawal Keselamatan Trafik (P)	Kemeja Lengan Panjang (Trafik)	PSK005
		Seluar (Trafik)	
		Pakaian Celoreng	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Trafik	
		Spike Boot	KKK005
43	Pengawal Keselamatan Trafik (P)	Bush Jaket Lengan Panjang (Trafik)	PSK006
		Seluar	
		Pakaian Celoreng (Baju)	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Trafik	
		Spike Boot	KKK005

BIL.	KATEGORI JAWATAN	FESYEN	KOD
44	Pengawal Keselamatan Trafik (L)	Kemeja Lengan Panjang (Trafik)	PSK005
		Seluar (Trafik)	
		Pakaian Celoreng (Baju)	PSK004
		T-Shirt Kolar Bulat Lengan Pendek Keselamatan	KKP022
		Vest Keselamatan	KKP016
		Baju Hujan & Seluar	KKP018
		Kasut Trafik	
		Spike Boot	KKK005